

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	20 JULY 2016

HSR ubah gaya hidup, ekonomi dua negara

BH-20/7/2016

[FOTO BERNAMA]

➔ Malaysia, Singapura akan bekerjasama siapkan projek dalam tempoh 10 tahun

Oleh Che Wan Badrul Alias, Zanariah Abd Mutalib dan Luqman Arif Abdul Karim
bhnews@bharian.com.my

Putrajaya

Projek Rel Berkelajuan Tinggi (HSR) Kuala Lumpur-Singapura yang dijangka beroperasi pada 2026 akan mengubah hubungan dua hala Malaysia dan Singapura, limpahan ekonomi serta gaya hidup rakyat kedua-dua negara.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, berkata kedua-dua negara akan bekerjasama erat untuk menyiapkan projek rel sepanjang 350 kilometer (kn) itu dalam tempoh 10 tahun, selain memastikan proses tender yang akan dibuka tahun depan dibuat secara adil dan telus.

Memorandum persefahaman (MoU) bagi HSR yang ditandatangani kedua-dua negara, semalam, menumpukan kepada aspek teknikal, model komersial, pelepasan kastam, imigresen dan kuarantin (CIQ), keselamatan, perundangan dan pengurusan projek.

"Satu perjanjian dua hala akan

ditandatangani akhir tahun ini mengandungi perincian projek, di mana jawatankuasanya dianggotai agensi dari Malaysia dan Singapura.

"Pasukan projek bersama terdiri daripada wakil MyHSR Corporation Sdn Bhd (MyHSR) dan Pihak Berkuasa Pengangkutan Darat Singapura (LTA) sudah ditubuhkan. Mereka akan bekerjasama melaksanakan dan menangani aspek integrasi dan antara muka projek ini.

"Pasukan ini juga akan bekerja bagi penyediaan tender," katanya pada sidang media bersama Perdana Menteri Singapura, Lee Hsien Loong di Seri Perdana di sini, semalam.

Terdahulu Najib dan Hsien Loong menyaksikan majlis menandatangani MoU HSR Kuala Lumpur-Singapura. Malaysia diwakili Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abdul Rahman Dahlan dan Singapura oleh Menteri Penyelaras bagi Infrastruktur, Khaw Boon Wan yang juga Menteri Pengangkutan republik itu.

Hubung enam stesen

HSR yang menghubungkan Bandar Malaysia di sini ke Jurong East, Singapura akan mempunyai enam stesen, iaitu Putrajaya, Seremban, Ayer Keroh, Muar, Batu Pahat dan Iskandar Puteri.

Najib berkata, projek itu adalah cerminan masa depan Malaysia dan Singapura, yang bukan sahaja akan meningkatkan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNG) kedua-dua negara, malah dijangka mencipta lebih 30,000 peluang pekerjaan.

"Perubahan bukan sahaja akan

dialami oleh Lembah Klang dan Singapura tetapi bandar di antaranya, dengan nilai hartanah yang dijangka melonjak.

"Jangan lupa perubahan dari segi gaya hidup. Bayangkan dalam tempoh 90 minit perjalanan melintasi Singapura, kita boleh bersarapan di Kuala Lumpur, makan tengah hari di Singapura dan ke Kuala Lumpur untuk makan malam," katanya.

Kos sebenar selepas bidaan


Ditanya mengenai kos projek itu, Najib berkata, kos sebenar hanya boleh diketahui selepas proses pembidaan yang kompetitif selesai, malah teknologi akan turut berubah dalam tempoh pembinaan.

Sementara itu, Hsien Loong menyifatkan tempoh 10 tahun bagi projek itu adalah sasaran yang sangat bercita-cita tinggi.

"Pembinaan Aliran Transit Masa (MRT) di Singapura yang berskala lebih kecil daripada HSR mengambil masa 12 hingga 15 tahun untuk disiapkan.

"Jajaran HSR melintasi dua negara ini lebih kompleks kerana merangkumi pelbagai komponen dan pakej pembinaan, sekali gus memberi cabaran untuk disiapkan mengikut jadual.

"Kita akan melakar sejarah seperti perkhidmatan tren menghubungkan London-Paris, Taipei-Kaohsiung dan Tokyo-Osaka yang melonjak pelbagai sektor pelaburan di negara terbabit," katanya.



Najib menyambut ketibaan Hsien Loong di Seri Perdana, semalam.

➔ Lagi berita di Ms.4, Ms.5, Ms.6